



## **KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

### **TEKS UCAPAN**

**AMANAT KETUA SETIAUSAHA  
BERSAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)  
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
TAHUN 2023**

## **PENDAHULUAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bertemu dalam Majlis Penyampaian Amanat Ketua Setiausaha (KSU) bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Dalam Negeri Tahun 2023. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini.
2. Saya merasa teruja kerana majlis pada hari ini merupakan kali pertama saya berjumpa dengan semua wakil PTJ secara bersemuka selepas hampir tiga (3) tahun dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada 15 Julai 2020. Susulan pandemik COVID-19, sesi penyampaian amanat bagi tahun 2021 dan 2022 telah dilaksanakan secara dalam talian yang disiarkan secara *live streaming* di saluran Facebook rasmi KDN.
3. Saya difahamkan tuan/puan telah hadir ke KDN sejak semalam yang mana pengisian program melibatkan sesi taklimat bersama Bahagian Kewangan, Bahagian Akaun, Bahagian Perolehan, Bahagian Audit Dalam dan Bahagian Khidmat Pengurusan & Aset, KDN. Saya berharap tuan/puan dapat mengambil seberapa banyak input dan panduan yang diberikan dalam sesi taklimat tersebut dalam melaksanakan tugas di pejabat kelak.

## **KDN SEPINTAS LALU**

4. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan Kementerian yang menjadi peneraju kepada keselamatan dan ketenteraman awam yang terdiri daripada 26 Bahagian dan sembilan (9) Jabatan/Agensi. Sehingga 31 Disember 2022, pengisian perjawatan yang direkodkan di KDN dan Agensi di bawahnya adalah berjumlah 182,893 pegawai atau 93.6 %.
5. Dalam konteks pengurusan kewangan dan perakaunan pula, terdapat 334 Pusat Tanggungjawab (PTJ), 588 Pusat Kos (PK) dan 763 Pejabat Pemungut (PP) di bawah KDN di seluruh negara termasuk satu (1) PTJ di luar negara, iaitu JIM London. Selaku Pegawai Pengawal, saya telah mengeluarkan Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri (APP KDN) Bilangan 1 Tahun 2023 berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 yang boleh dirujuk dalam laman web rasmi KDN.
6. APP KDN ini hendaklah menjadi rujukan dan panduan kepada tuan/puan dalam melaksanakan tugas selaras dengan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan perolehan dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

YBhg. Datuk Sri/Datuk/Tuan/Puan,

## **BAJET MINI 2023 DAN PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2023**

7. Pada tahun 2022, KDN telah membelanjakan sepenuhnya peruntukan berjumlah RM13.5 bilion, iaitu 99.99% bagi

Perbelanjaan Mengurus. Manakala bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE), prestasi perbelanjaan adalah sebanyak RM3.039 bilion atau 96.16% berbanding peruntukan DE tahun 2022, iaitu RM3.160 bilion.

8. Bagi tahun 2023 pula, KDN telah diperuntukkan sejumlah RM9.6 bilion melalui pembentangan Bajet Mini 2023 pada 20 Disember 2022. Peruntukan ini merangkumi Peruntukan Tanggungan (T.11-Suruhanjaya Pasukan Polis) sebanyak RM2.1 juta, Perbelanjaan Mengurus (OE) di bawah B.62-KDN sebanyak RM6.9 bilion dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) di bawah P.62-KDN sebanyak RM2.7 bilion. Peruntukan DE KDN ini bagi membiayai 196 projek yang mana sebanyak 12 projek baharu dan 184 projek sambungan.
9. Penyaluran waran peruntukan OE di bawah Dasar Sedia Ada (DSA) dibuat melalui dua (2) fasa. Penyaluran fasa pertama sebanyak 80 peratus daripada Bajet Mini telah diselesaikan pada 1 Januari 2023. Manakala baki peruntukan akan ditentukan selepas Parlimen meluluskan keseluruhan Bajet 2023.
10. Berdasarkan Takwim Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan akan membentangkan Ucapan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 (Jumaat) dan diikuti sesi perbahasan dari 27 Februari 2023 hingga 28 Mac 2023.
11. Semua Jabatan/Agensi diingatkan untuk membuat penyaluran kepada PTJ masing-masing dengan segera

dan memastikan peruntukan dibelanjakan secara berhemat.

12. Memetik Keputusan Jemaah Menteri pada 18 Januari 2023, YAB Perdana Menteri menyarankan agar kos penganjuran program-program Kerajaan diteliti bagi memastikan ianya tidak membebankan Kerajaan. Sehubungan dengan itu, Jabatan/Agensi perlu mengambil pendekatan kreatif dan inovatif bagi tujuan penjimatan tanpa melibatkan perbelanjaan besar dalam pelaksanaan program atau aktiviti.

## **PENGURUSAN PEMBANGUNAN (DE)**

### **Pengemaskinian MyProjek dan penilaian *outcome***

13. Sistem MyProjek digunakan bagi membuat perancangan projek, memantau kemajuan projek secara keseluruhan bermula daripada peringkat pra pelaksanaan sehingga pasca pelaksanaan untuk projek fizikal dan projek bukan fizikal. MyProjek juga digunakan bagi memantau peruntukan projek dan kemajuan pembayaran kepada kontraktor mengikut fasa pelaksanaan.
14. Sehubungan itu, Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan maklumat sentiasa dikemaskini dalam sistem MyProjek. Kesemua maklumat projek merangkumi siling, peruntukan tahunan, tambahan atau kurangan siling peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun perlu dilengkapkan dengan tepat bagi memastikan pemantauan projek dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut perancangan yang ditetapkan.

15. Ketua Jabatan/PTJ juga hendaklah memastikan penilaian *outcome* dilaksanakan bagi projek yang telah siap sepenuhnya agar keberkesanan projek kepada golongan sasar dapat dinilai. Saya berharap dengan pelaksanaan projek-projek yang telah dan bakal diluluskan ini akan dapat mencapai impak yang sangat besar kepada masyarakat dan imej Kementerian dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

YBhg. Datuk Sri/Datuk/Tuan/Puan,

## **PENGURUSAN PEROLEHAN**

16. Suka saya ingatkan kepada semua Ketua Jabatan/PTJ agar memastikan semua perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja dilaksanakan dengan cekap, teratur dan sempurna selaras dengan tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa, bagi memastikan tiada pembaziran, penyalahgunaan kuasa dan memberi nilai pulangan yang terbaik kepada Kerajaan.
17. Tambahan pula, berkuat kuasa 29 November 2022 had nilai perolehan secara pembelian terus telah dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000. Pindaan ini secara tidak langsung dapat memudah dan mempercepatkan urusan perolehan di PTJ namun perlu diuruskan secara telus dan berintegriti.
18. Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan *Integrity Pact* dilaksanakan dalam urusan perolehan bagi mengelak berlakunya perlakuan rasuah, konflik kepentingan dan pakatan tipuan bida dalam mana-mana peringkat proses kerja. Klausu mengenai pencegahan rasuah dan tipuan

bida juga hendaklah diperuntukkan dalam semua dokumen kontrak.

## **Perancangan Perolehan Tahunan**

19. Ketua Jabatan/ PTJ hendaklah membuat perancangan tahunan (*annual planning*) dan perancangan awal (*forward planning*) bagi tender-tender dan sebut harga yang hendak dipelawa dalam satu-satu tahun bagi memastikan keperluan tahunan masing-masing diperolehi dalam masa yang ditetapkan. Senarai berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan, KDN sebelum atau pada 15 November bagi setiap tahun kewangan berakhir dan dikunci masuk ke dalam Sistem ePerolehan (eP) selewat-lewatnya pada 30 November setiap tahun.
20. Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa anggaran peruntukan bagi perancangan perolehan yang berkenaan telah diluluskan, perolehan secara pecah kecil dalam sebut harga adalah tidak dibenarkan sama sekali dan pemakaian peraturan ini adalah tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh MOF dari semasa ke semasa.

## **Permohonan Perolehan Secara Tender dan Dokumen Kontrak**

21. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan proses tender pula, semua permohonan beserta dokumen spesifikasi teknikal tender bagi bekalan/perkhidmatan yang perlu diiklankan di peringkat Kementerian hendaklah dikemukakan ke Bahagian Perolehan KDN enam (6) bulan dari tarikh bekalan/perkhidmatan diperlukan.

22. Setelah proses perolehan selesai dilaksanakan, Ketua Jabatan/PTJ perlu memastikan dokumen kontrak ditandatangani oleh pegawai awam yang telah diturunkan kuasa secara bertulis di bawah Seksyen 2, Akta Kontrak sebelum atau dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh pihak syarikat.
23. Kontrak tambahan juga hendaklah disempurnakan dalam tempoh dua (2) bulan selepas surat pemakluman perubahan kontrak dikemukakan ke syarikat. Sebarang permohonan kelulusan khas bagi menandatangani kontrak lebih empat (4) bulan perlu dikemukakan beserta justifikasi lengkap.

### **Teguran Isu-isu Ketidakpatuhan**

24. Saya juga ingin mengingatkan kepada semua Ketua Jabatan/PTJ untuk membuat perancangan teliti sebelum melaksanakan sesuatu perolehan atau program.
25. Dalam hal ini, semua Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan tanggungan dalam sistem eP dan Pesanan Kerajaan (PK) dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bekalan/perkhidmatan dilaksanakan selaras AP176.1 dan PK 5.1 bagi mengelakkan pelanggaran kepada peraturan perolehan Kerajaan.
26. Berdasarkan rekod tahun 2022, sejumlah 484 permohonan pembayaran invois tanpa Pesanan Kerajaan (PK) dengan nilai RM90.5 juta telah dikemukakan ke Bahagian Perolehan KDN. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 391 permohonan dengan invois bernilai RM72.9

juta telah diluluskan oleh MOF secara Arahan Perbendaharaan (AP) 59.

27. Hal ini menunjukkan isu ketidakpatuhan yang perlu dipandang serius oleh semua Ketua Jabatan/Agensi KDN. Bagi Jabatan/Agensi yang dikenakan tindakan AP59, saya menegaskan supaya PTJ berkenaan mengambil tindakan sewajarnya selaras peraturan AP59 yang berkuat kuasa.
28. Terkini, MOF telah membuat teguran kepada KDN terhadap ketidakpatuhan di bawah AP59 melalui surat keputusan Mesyuarat Jawatankuasa AP59 Bilangan 4 Tahun 2022 bertarikh 27 Januari 2023. KDN telah disarankan supaya mengambil iktibar bagi memastikan kes AP59 tidak berulang, memastikan garis panduan pengurusan perolehan dan kewangan disediakan serta memastikan pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan, kewangan, aset dan stor Kerajaan menghadiri kursus berkaitan bidang tugas.
29. Bahagian Perolehan juga telah menyediakan Garis Panduan bagi Permohonan Pembayaran Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (PK) mengandungi borang permohonan di mana butiran pegawai meja dan pegawai kewangan yang bertanggungjawab perlu dikemukakan oleh Kementerian dan Agensi.
30. Pada masa yang sama, semua Ketua Jabatan/PTJ diingatkan supaya memantau tugasan kewangan dan melaksanakan latihan berterusan bagi memastikan pegawai mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi. Pemantauan yang rapi dapat mengelakkan berlakunya kes-kes kehilangan wang awam, kehilangan

aset Kerajaan, terimaan hasil tidak teratur dan mengurangkan Akaun Belum Terima (ABT) Kementerian.

31. Saya juga ingin mengingatkan semua Ketua Jabatan/PTJ berhubung pembayaran di bawah AP58 (a). Sehingga 31 Disember 2022, KDN telah diluluskan sebanyak RM229.19 juta bagi Kelulusan Khas Pembayaran di bawah AP58 (a). Pembayaran di bawah AP58 (a) ini perlu dielakkan atau dikurangkan kerana merugikan Kementerian memandangkan peruntukan tahun semasa perlu digunakan untuk melunaskan pembayaran perkhidmatan tahun lalu.

## **PENGURUSAN ASET**

32. Pengurusan aset alih dan stor Kerajaan mempunyai hubungan secara langsung dengan peruntukan kewangan dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Justeru, saya menggesa semua Ketua Jabatan/PTJ agar memastikan semua aset Kerajaan diuruskan dengan cekap dan berkesan. Dalam hal ini, segala proses dan prosedur berkaitan pengurusan aset alih dan stor Kerajaan wajar dipatuhi khususnya dalam aspek pendaftaran, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, pindahan, kehilangan dan hapus kira.
33. Bagi tahun 2022 misalnya, KDN telah memperuntukkan sejumlah RM565.21 juta untuk tujuan perolehan pelbagai aset meliputi aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok. Justeru, dengan mengambil kira jumlah peruntukan besar yang disalurkan pada setiap tahun serta jumlah keseluruhan nilai aset alih KDN, adalah amat penting agar

pengurusan aset alih dan stor Kerajaan dilaksanakan secara sistematik. Mana-mana aset alih, aset hidup dan stok yang didapati rosak, usang, tidak ekonomi dibaiki atau diselenggara atau tidak diperlukan serta didapati hilang perlu diuruskan dengan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

34. Semua Ketua Jabatan/PTJ perlu mengambil perhatian serius bagi memastikan prestasi pengurusan stor Kerajaan mencapai Kadar Pusingan Stok (KPS) tahunan sekurang-kurangnya empat (4). KPS yang rendah menunjukkan kelemahan dalam pengurusan stor Kerajaan terutamanya dari aspek perancangan, perolehan dan pengeluaran stok kepada pemegang taruh. Tindakan yang proaktif perlu diambil oleh setiap Jabatan/Agensi agar KPS tahunan KDN secara keseluruhan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

YBhg. Datuk Sri/Datuk/Tuan/Puan,

## **PENGURUSAN PERAKAUNAN**

35. Sehingga bulan Disember 2022, KDN telah mencapai prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari sebanyak 99.99% melibatkan 672,479 bil berjumlah RM5,012,558,100.30 (RM5.01 bilion). Ini adalah prestasi yang membanggakan. Tahniah saya ucapkan kepada semua Ketua Jabatan atas usaha dan komitmen dalam memastikan pembayaran dilaksanakan dengan cekap, cepat dan efisien. KDN kini sedang dalam proses penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2022. Kerjasama yang jitu daripada semua PTJ dan Pejabat Pemungut di seluruh Negara membolehkan

Penyata Kewangan ini akan dapat dikeluarkan dengan jayanya sebagaimana tahun sebelumnya.

36. Selain itu, semakan ke atas data Baki Awal Aset dan Liabiliti KDN masih diteruskan pada tahun ini melalui satu *taskforce* yang dinamakan *Flying Squad*. Perkara ini adalah bagi memastikan data baki awal aset dan liabiliti diakaunkan dengan tepat dan Penyata Kewangan KDN mendapat Sijil Audit Bersih. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 202,553 atau 79.4% daripada bilangan aset yang diakaunkan dalam sistem iGFMAS dengan nilai RM55 bilion telah disemak dan disahkan.
37. Mulai tahun 2023, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan bank-bank akan membuat pengesahan identiti penerima bayaran berdasarkan padanan nombor akaun bank terkini dan nombor kad pengenalan untuk semua bayaran terutamanya emolumen. Justeru, saya memohon kerjasama semua PTJ untuk memastikan maklumat penerima bayaran dalam sistem iGFMAS dikemaskini dengan tepat dan betul bagi mengelakkan bayaran emolumen gagal dikreditkan ke akaun penerima.
38. Selaras dengan aspirasi Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 bagi membentuk masyarakat digital, semua Jabatan/Agensi diseru untuk meningkatkan perkhidmatan secara atas talian. Jabatan/Agensi yang bercadang untuk membangunkan apa-apa sistem melibatkan elemen perakaunan dan kewangan hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan cadangan reka bentuk sistem kepada JANM melalui Bahagian Akaun KDN.

YBhg. Datuk Sri/Datuk/Tuan/Puan,

## **PENGURUSAN PENGAUDITAN**

### **Pencapaian Pengauditan Tahun 2022**

39. Bagi tahun 2022, Bahagian Audit Dalam KDN telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan melibatkan 55 PTJ di bawah 9 Jabatan/Agensi termasuk PTJ Kementerian. Sebanyak 28 daripada 55 PTJ tersebut telah memperolehi prestasi 5 dan 4 bintang. Manakala baki 27 PTJ lagi berada pada prestasi 3 dan 2 bintang. Syabas diucapkan kepada PTJ yang mendapat tahap Cemerlang. Manakala PTJ-PTJ lain perlu sentiasa berusaha memperbaiki pengurusan kewangan masing-masing ke arah yang lebih baik.
40. Antara penemuan audit berisiko tinggi yang perlu disusuli tindakan penambahbaikan serius dan segera adalah *improper payment*, tiada pengasingan tugas, tidak melaksanakan Pemeriksaan Dalaman (AP308) dan Pemeriksaan Mengejut (AP309), pendaftaran dan pelabelan aset tidak teratur serta kelemahan pengurusan kenderaan.
41. Saya amat berharap semua Ketua Jabatan/PTJ dapat menyelia dan memantau pengurusan kewangan dengan cekap, peka terhadap peraturan kewangan semasa dan membuat keputusan berbelanja dengan bijak dan berhemat. Penemuan Audit yang dibangkitkan sama ada oleh Bahagian Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara (JAN) perlu diberi perhatian serius supaya tidak berulang di tempat tuan/puan.

## **Pelaksanaan Tatacara Pasukan Pemantau Terma Kontrak (PPTK) Bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Di Bawah KDN**

42. Bahagian Audit Dalam juga telah mengeluarkan Tatacara Pasukan Pemantau Kontrak Bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Di Bawah KDN yang akan dilaksanakan oleh semua PTJ di bawah KDN mulai 1 Januari 2023. Tatacara ini adalah salah satu inisiatif dalam Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024. Tatacara ini perlu dipatuhi dari semasa ke semasa untuk meningkatkan amalan tadbir urus yang baik terhadap pengurusan perolehan di KDN dan Jabatan/Agensi di bawahnya.

## **Pemantauan Melalui Sistem *Dashboard* Audit Dalam (DashAD)**

43. Selain itu, Sistem *Dashboard* Audit Dalam (DashAD) telah dibangunkan dan merupakan mekanisme pemantauan terhadap tindakan PTJ bagi memperbaiki kelemahan yang ditemui ke arah tadbir urus yang lebih baik. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap laporan Audit Dalam yang dikeluarkan akan disusul oleh Bahagian Audit Dalam KDN serta dipantau oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian melalui *dashboard* ini.

## **Pengauditan Kendiri Melalui *Financial Management Index Reporting System* (FIRM)**

44. Semua Ketua PTJ juga bertanggungjawab menjalankan audit kendiri melalui Sistem FIRM dan menilai prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Berdasarkan

rekod tahun 2022, Sistem FIRM telah dibuka kepada 322 PTJ untuk pengisian dan didapati 107 PTJ (33%) tidak menjawab dengan lengkap. Pada tahun ini, saya ingin mengingatkan semua Ketua PTJ supaya menjawab semua soalan dalam Sistem FIRM dan mengemukakannya dalam tempoh yang ditetapkan. Penilaian perlu dibuat dengan telus dan kesilapan diperbetulkan segera sebelum Bahagian Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan di pejabat tuan/puan.

## **HARAPAN**

45. Saya berharap agar jalinan kerjasama di antara kita semua terus erat meskipun di mana jua kita berada bagi memastikan semua perancangan dan hala tuju KDN tercapai dengan jayanya. Saya percaya dengan kerjasama dan semangat berpasukan semua pegawai KDN, segala cabaran dapat dilalui bersama-sama. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.
46. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan terima kasih atas segala usaha dan komitmen tuan/puan bagi memastikan KDN terus kekal relevan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.